



Pengetahuan masyarakat Iban tentang program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan di Daerah Song, Sarawak

Kwok Chin Hoe¹, Haris Abd. Wahab¹

¹Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

Correspondence: Kwok Chin Hoe (email: kwokchinhoe@yahoo.com)

Abstrak

Penyertaan masyarakat dalam program pembasmian kemiskinan yang kurang memuaskan berkait rapat dengan pengetahuan tentang program yang rendah. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengetahuan masyarakat Iban yang menerima bantuan program pembasmian kemiskinan melalui Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) di Daerah Song, Sarawak. Aspek pengetahuan masyarakat tentang program pembasmian kemiskinan yang dikaji ialah maklumat umum tentang SPKR, objektif SPKR dan komponen program yang dilaksanakan di bawah SPKR. Kajian ini dilakukan melalui kaji selidik ke atas 260 Ketua Isi Rumah di rumah panjang. Secara keseluruhannya, kajian menunjukkan sebilangan besar masyarakat Iban di Daerah Song tidak mengetahui kementerian yang mentadbir program di bawah SPKR, objektif program di bawah SPKR dan komponen program yang dilaksanakan di bawah SPKR. Penemuan ini memberi implikasi bahawa pengetahuan masyarakat Iban tentang program pembasmian kemiskinan harus ditingkatkan sebagai langkah menggalakkan penyertaan mereka dalam menjayakan program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan di rumah panjang.

Katakunci: isi rumah miskin, masyarakat Iban, pembasmian kemiskinan, pengetahuan, penglibatan, rumah panjang

Local knowledge of poverty eradication programmes in Malaysia: The case of the Iban community in the District of Song, Sarawak

Abstract

The less-than satisfactory participation of the local community in a Malaysian poverty eradication programme has a close link with their low level of information about the programme. This study aims at identifying the level of knowledge of the Iban community who were also the aid recipients targeted by the People's Welfare Development Scheme (*Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat - SPKR*) in the district of Song, Sarawak. The knowledge aspects examined involved general information on the SPKR, objectives of the SPKR and the programme components of the SPKR. Using questionnaires, this study interviewed 260 household heads at the longhouses. As a whole, the findings revealed the majority of the Iban people in the study area who were still in the dark about which ministry the activities under the SPKR were organized, the objectives of the programme, and the components of the programme. The obvious implication is that the Ibans' knowledge of such poverty eradication programmes needs to be enhanced before they can even be motivated to participate fully in the programme and make it a real success at the longhouses.

Keywords: Iban community, knowledge, longhouses, participation, poor households, poverty eradication

Pengenalan

Pengetahuan penduduk luar bandar tentang program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan adalah salah satu elemen yang dikenal pasti dapat menyumbang kepada darjah penglibatan masyarakat yang tinggi. Kekurangan pengetahuan berkenaan pula dilihat sebagai halangan utama kepada penyertaan mereka dalam program yang telah direncanakan oleh agensi kerajaan. Beberapa kajian lepas jelas menunjukkan perkaitan antara pengetahuan dengan keterlibatan masyarakat dalam program. Sabrina (2012) dalam kajian mengenai penyertaan masyarakat dalam proses perancangan pembangunan daerah di Wilayah Sumatera Utara, Indonesia mendapati pengetahuan masyarakat berkorelasi secara signifikan dengan penyertaan. Semakin tinggi tahap pengetahuan masyarakat, maka semakin tinggi kadar penyertaan mereka dalam proses perancangan pembangunan daerah. Bahaman (1992) dalam kajiannya di Semenanjung Malaysia turut mendapati tahap pengetahuan berkorelasi secara positif dengan penyertaan. Semakin tinggi tahap pengetahuan masyarakat tentang Projek Pembangunan Bersepadu, semakin tinggi tahap penglibatan mereka dalam projek tersebut. Penemuan yang serupa dilaporkan oleh Yunda (2007), Haris (2007) dan Anuar (2001) yang turut mendapati terdapat perkaitan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan tahap penglibatan. Oleh itu, artikel ini berdiri teguh di atas hujah bahawa tanpa adanya kesedaran dan pengetahuan tentang program pembasmian kemiskinan yang diimplementasikan, masyarakat setempat mungkin tidak akan melibatkan diri dalam menjayakan program berkenaan.

Mengikut Rahim dan Asnarulkhadi (2010) dan Haris (2009) individu yang mempunyai pengetahuan yang luas adalah lebih sedar dan juga mempunyai pemahaman yang lebih baik mengenai sesuatu keadaan atau isu yang berkaitan dengan kehidupan mereka. Kefahaman yang dimiliki itu kemudiannya akan dapat membantu individu berkenaan menilai dan membentuk tanggapan terhadap perkara tersebut. Tanggapan itu pula seterusnya menjadi sandaran kepada mereka dalam mempertimbangkan sama ada akan turut serta atau sebaliknya dalam program yang diadakan. Ini membayangkan bahawa pengetahuan masyarakat setempat mengenai sesuatu keadaan atau isu memainkan peranan yang penting dalam menentukan keterlibatan mereka. Artikel ini menghujahkan bahawa sekiranya ahli komuniti setempat tahu bagaimana untuk terlibat, mereka kemungkinan cenderung untuk memilih terlibat dalam aktiviti-aktiviti program pembasmian kemiskinan secara sukarela, tanpa sebarang paksaan atau pujukan daripada agensi pelaksana. Sebaliknya, anggota masyarakat tidak mungkin melakukan suatu tindakan tertentu seperti mengambil bahagian dalam program pembasmian, sekiranya mereka tidak pernah mengetahui, mendapat sebarang informasi atau maklumat tentang program berkenaan sebelum ini. Bertitik tolak daripada hal ini, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengetahuan masyarakat Iban tentang program pembasmian kemiskinan iaitu SPKR yang dilaksanakan di tempat mereka. Dalam kajian ini, pengetahuan masyarakat Iban tentang program di bawah SPKR diukur berdasarkan sama ada mereka tahu atau tidak tentang maklumat umum mengenai SPKR; objektif SPKR dan komponen program yang dilaksanakan di bawah SPKR.

Metodologi

Kajian kuantitatif ini dijalankan di Daerah Song, Sarawak. Kajian ini melibatkan masyarakat Iban yang menerima bantuan program pembasmian kemiskinan, iaitu Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR). Sampel kajian adalah Ketua Isi Rumah (KIR) di rumah panjang. Seramai 260 orang KIR yang merupakan responden kajian ini telah dipilih menerusi tiga tahap prosedur persampelan rawak. Instrumen borang kaji selidik digunakan untuk mengumpul maklumat berkait dengan pengetahuan masyarakat Iban dalam program pembasmian kemiskinan. Kaji selidik ini terdiri daripada tiga bahagian utama. Bahagian pertama ialah pengetahuan umum tentang SPKR yang diukur berdasarkan pengetahuan tentang kementerian yang mentadbir program di bawah SPKR dan pegawai program yang terlibat dalam program di bawah SPKR di kawasan kajian. Bahagian kedua ialah pengetahuan tentang objektif SPKR. Manakala bahagian ketiga melibatkan pengetahuan tentang komponen program yang dilaksanakan di bawah SPKR. Seterusnya, data kajian yang terkumpul dianalsis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social*

Science (SPSS versi 16.0). Statistik deskriptif (statistik kekerapan dan peratusan) digunakan untuk mengenal pasti pengetahuan masyarakat Iban tentang program pembasmian kemiskinan. Data kuantitatif dalam kajian ini turut disokong dengan maklumat yang diperoleh menerusi temu bual tidak berstruktur bersama beberapa orang KIR di rumah panjang yang terpilih. Menerusi temu bual tersebut gambaran yang lebih jelas berhubung dengan pengetahuan masyarakat Iban tentang program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan di kawasan kajian dapat diperoleh.

Hasil kajian dan perbincangan

Pengetahuan umum tentang SPKR

Pengetahuan umum masyarakat tentang program di bawah SPKR diukur berdasarkan dua pemboleh ubah berkaitan dengan organisasi SPKR yang berkemungkinan memberi kesan kepada penglibatan mereka dalam aktiviti program di bawah skim berkenaan. Dua pemboleh ubah tersebut ialah pengetahuan masyarakat Iban tentang kementerian yang mentadbir program di bawah SPKR dan pegawai program yang terlibat dalam program di bawah SPKR di kawasan kajian.

(a) Kementerian yang mentadbir program

Kementerian yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan program-program di bawah SPKR ialah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Dalam set borang kaji selidik yang diedarkan, responden telah disoal sama ada mereka mengetahui kementerian yang mentadbir program di bawah SPKR. Mereka telah diminta untuk menamakan kementerian tersebut. Mereka yang dapat memberikan nama kementerian yang terlibat dengan tepat dianggap sebagai mengetahui kementerian yang mentadbir program di bawah skim berkenaan. Manakala mereka yang memberikan nama kementerian yang tidak tepat dianggap sebagai tidak mengetahui kementerian yang bertanggungjawab ke atas pengendalian program tersebut di peringkat pusat. Secara keseluruhannya, penemuan kajian menunjukkan kesemua (100.0%) KIR di rumah panjang tidak mengetahui kementerian yang terlibat dalam program di bawah SPKR (Jadual 1).

Jadual 1. Pengetahuan tentang SPKR

Pengetahuan Umum Tentang SPKR	Pengetahuan			
	Tidak Tahu		Tahu	
	Bil	%	Bil	%
Kementerian yang mentadbir program	260	100.0	0	0.0
Nama pegawai program	96	36.9	164	63.1

Terdapat beberapa kemungkinan yang menjadi punca ketaktahanan penduduk rumah panjang tentang kementerian yang terlibat dalam mentadbir program di bawah SPKR. Antaranya, masyarakat Iban di rumah panjang kurang diberi pendedahan berkenaan peranan yang dimainkan secara langsung oleh KKLW. Tidak ada sebarang usaha dilakukan oleh agensi pelaksana sama ada di peringkat persekutuan, negeri atau pun tempatan untuk memaklumkan dan menjelaskan kepada penduduk tempatan tentang kementerian yang terlibat dalam mentadbir program-program di bawah skim tersebut. Tambahan pula, penduduk rumah panjang dan penerima bantuan program di bawah SPKR hanya berurusan dengan Pejabat Daerah Song berkait dengan program bantuan di bawah SPKR tanpa melibatkan KKLW secara langsung. Dengan yang demikian, tugas untuk memaklumkan aktiviti atau program anjuran KKLW kepada masyarakat di rumah panjang diserahkan sepenuhnya kepada para pegawai di Pejabat Daerah Song. Ada juga kemungkinan bahawa penduduk rumah panjang tidak kisah kementerian yang terlibat

dalam program di bawah SPKR, sebaliknya mereka hanya ingin tahu tentang bantuan yang diterima serta kemudahan yang diperoleh daripada program yang dilaksanakan.

(b) Pegawai program di bawah SPKR

Di peringkat Daerah Song, program di bawah SPKR dikendalikan oleh Pejabat Daerah Song. Pegawai program yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas program-program tersebut adalah pegawai Daerah Song. Ketika kajian ini dijalankan, pegawai Daerah Song adalah En. Galong Luang. Beliau bertanggungjawab dalam pelaksanaan program-program tersebut di daerah itu. Dalam kajian ini, KIR yang ditemui bual turut ditanya nama pegawai program di bawah SPKR. KIR telah diminta untuk menyebutkan nama pegawai program di bawah SPKR di kawasan kajian. Responden dianggap tahu pegawai program di bawah SPKR yang terlibat dalam program tersebut apabila mereka dapat menyebutkan nama pegawai dengan tepat. Sebaliknya, mereka yang tidak dapat menyebut nama pegawai atau memberikan nama pegawai yang salah dianggap sebagai tidak tahu pegawai di kawasan kajian yang menguruskan program-program di bawah SPKR.

Penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar (63.1%) KIR di rumah panjang mempunyai kepekaan yang tinggi terhadap pegawai program SPKR apabila mereka dapat menyebut secara tepat nama pegawai program yang dipertanggungjawabkan mengurus program-program di bawah SPKR di tempat mereka (Jadual 1). Melalui temu bual dengan KIR juga didapati pegawai program sering mengadakan perjumpaan dengan wakil penduduk rumah panjang khususnya JKKK dalam membincangkan hal ehwal rumah panjang dan perkembangan program serta projek yang dilaksanakan di rumah panjang. Selain itu, pegawai program juga kerap kali mengadakan lawatan ke kawasan rumah panjang bagi memantau program-program yang dilaksanakan di bawah SPKR. Secara tidak langsung, proses interaksi antara pegawai program dengan penduduk rumah panjang telah mewujudkan hubungan yang akrab serta memudahkan penduduk rumah panjang untuk mengingati nama pegawai program tersebut. Manakala selebihnya (36.9%) adalah KIR yang tidak mengetahui nama pegawai yang terlibat dalam mengendalikan program-program di bawah SPKR di Daerah Song.

Pengetahuan tentang objektif SPKR

Pengetahuan tentang objektif program dalam kalangan penerima manfaat adalah indikator penting dalam mempengaruhi pertimbangan golongan sama ada mereka akan memilih untuk terlibat secara aktif atau sebaliknya dalam program pembangunan yang dilaksanakan untuk mereka. Mengikut A. Murad (1997), individu atau anggota masyarakat yang mempunyai tahap pengetahuan yang rendah mengenai matlamat, objektif dan peranan yang dimainkan oleh organisasi atau agensi pelaksana mempunyai tahap penglibatan yang rendah berbanding dengan mereka yang mempunyai pengetahuan dan pemahaman mengenainya. Oleh itu, Cummings (1997) menyarankan agar objektif projek atau program perlu menunjukkan nilai bagi proses penglibatan itu sendiri serta peningkatan dalam impak projek atau program hasil daripada penglibatan tersebut. Program di bawah SPKR yang mula diperkenalkan pada tahun 2001 dan dilaksanakan di kawasan kajian ini mempunyai tiga objektif utama. Objektif tersebut ialah: (i) menyumbang kepada usaha-usaha pembasmian kemiskinan, (ii) menyumbang kepada peningkatan pendapatan bagi isi rumah berpendapatan terendah dan (iii) meningkatkan akses kepada infrastruktur asas fizikal dan sosial yang berkualiti kepada kumpulan sasar supaya kualiti hidup mereka ditingkatkan (RMK 10, 2011-2015). Dalam kajian ini, responden telah disoal tentang pengetahuan mereka tentang tiga objektif program sebagaimana yang telah dinyatakan di atas.

(a) Mengurangkan kadar kemiskinan

Salah satu objektif program di bawah SPKR adalah untuk mengurangkan kadar kemiskinan di luar bandar khususnya melibatkan masyarakat peribumi di Sarawak. Dalam kajian ini, responden kajian yang juga merupakan KIR di rumah panjang telah diminta untuk menyatakan objektif SPKR. Analisis data kajian

ini mendapat sebilangan besar (66.2%) KIR tidak menyedari bahawa program-program yang telah dilaksanakan di bawah SPKR bertujuan untuk mengurangkan kadar kemiskinan yang melibatkan penduduk di rumah panjang (Jadual 2). Walau bagaimana pun, masih terdapat sebilangan (33.8%) daripada KIR di rumah panjang dapat memberikan jawapan dengan tepat berkait dengan objektif SPKR yang melibatkan usaha-usaha pembasmian kemiskinan. Umumnya, hanya KIR yang mempunyai kepekaan yang tinggi terhadap program di bawah SPKR mengetahui objektif-objektif SPKR yang dilaksanakan di tempat mereka.

Jadual 2. Pengetahuan tentang objektif SPKR

Objektif SPKR	Pengetahuan			
	Tidak Tahu		Tahu	
	Bil	%	Bil	Bil
Mengurangkan kadar kemiskinan	172	66.2	88	33.8
Meningkatkan pendapatan penduduk	194	74.6	66	25.4
Menyediakan kemudahan meningkatkan kualiti hidup	209	80.4	51	19.6

(b) Meningkatkan pendapatan penduduk

Selain daripada mengurangkan kadar kemiskinan, program pembasmian kemiskinan di bawah SPKR turut bertujuan untuk meningkatkan pendapatan penduduk. Penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar (74.6%) daripada keseluruhan KIR di rumah panjang yang disoal memberitahu bahawa mereka tidak mengetahui program-program yang dilaksanakan di bawah SPKR bertujuan meningkatkan pendapatan penduduk miskin dan miskin tegar (Jadual 2). Penduduk rumah panjang seolah-olah hanya menyedari bahawa program pembasmian kemiskinan di bawah SPKR yang dilaksanakan di tempat tinggal mereka itu sebagai tanggungjawab kerajaan yang memerintah semata-mata. Keadaan ini berlaku disebabkan mereka kurang didedahkan dengan objektif-objektif berkait dengan pelaksanaan program pembasmian kemiskinan di bawah skim tersebut. Hanya sebilangan kecil (25.4%) sahaja KIR yang mengetahui program di bawah skim tersebut bermatlamat meningkatkan pendapatan penduduk.

(c) Menyediakan kemudahan asas

Penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar (80.4%) KIR tidak mengetahui bahawa program di bawah SPKR bertujuan untuk menyediakan kemudahan untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat yang menjadi penerima bantuan skim tersebut (Jadual 2). Hanya 19.6 peratus daripada mereka yang dikaji selidik mengesahkan bahawa mereka menyedari salah satu objektif program di bawah SPKR adalah untuk menyediakan kemudahan dan meningkatkan kualiti hidup komuniti setempat.

Pengetahuan tentang komponen program

Dalam usaha untuk membasi kemiskinan, meningkatkan pendapatan isi rumah dan meningkatkan kualiti hidup penduduk luar bandar, sebanyak sembilan buah program telah dikenal pasti dan dilaksanakan di bawah skim tersebut. Antaranya ialah Program Peningkatan Pendapatan (PPP), Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP), Program Pembangunan Minda Insan (PPMI), Program Bantuan Rumah (PBR), Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS), Program Tambahan Makanan Seimbang (PMTS), Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) dan Program Amanah Saham Bumiputera (ASB Sejahtera). KIR di rumah panjang telah ditanya sama ada mereka tahu tentang komponen program seperti yang disenaraikan di atas. Penemuan kajian menunjukkan hampir kesemua (99.2%) KIR yang dikaji menyatakan mereka tahu PBR sebagai salah satu komponen program di bawah SPKR berbanding dengan program-program lain seperti PPMI

(63.1%), PKP (49.2%), PPP (45.8%), PPMS (32.7%), PLKK (27.7%), ASB Sejahtera (5.0%), PTMS (0.8%) dan TASKA (0.8%) (Jadual 3).

Jadual 3. Pengetahuan tentang komponen Program SPKR

Komponen Program SPKR	Pengetahuan			
	Tidak Tahu		Tahu	
	Bil	%	Bil	%
Program Peningkatan Pendapatan (PPP)	141	54.2	119	45.8
Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)	188	72.3	72	27.7
Program Bantuan Rumah (PBR)	2	0.8	258	99.2
Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP)	132	50.8	128	49.2
Program Pembangunan Minda Insan (PPMI)	96	36.9	164	63.1
Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS)	175	67.3	85	32.7
Program Tambahan Makanan Seimbang (PTMS)	258	99.2	2	0.8
Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA)	258	99.2	2	0.8
Program Amanah Saham Bumiputera (ASB Sejahtera)	247	95.0	13	5.0

Menurut Zauyah et al. (2005), terdapat dua kemungkinan utama mengapa PBR lebih diketahui dalam kalangan responden yang ditemui. Pertama, program ini mempunyai jumlah penerima yang ramai. Kedua, PBR merupakan bantuan berbentuk kemudahan infrastruktur yang kehadirannya amat jelas dan diguna pakai oleh penduduk dalam kehidupan sehari-hari berbanding dengan program-program lain di bawah SPKR. Penemuan kajian ini seajar dengan pendapat Haslina dan Regina (2009) yang menyatakan kebanyakan penduduk tidak tahu tentang projek-projek spesifik yang dijalankan di bawah pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) Gedong. Mengikut Zauyah et al. (2005), program-program berbentuk kerohanian, jati diri dan kendiri seperti pembangunan minda insan, latihan dan pendidikan menduduki antara senarai terbawah kadar celik pengetahuan responden. Kurangnya pelaksanaan program-program berbentuk “apprenticeship” dan vokasional seperti PPP, PPMI dan PLKK menunjukkan keterbatasan program pembasmian kemiskinan ke arah menanamkan ciri-ciri rajin, berusaha, meningkatkan kemahiran, berdikari, berdaya maju dan berdaya saing yang menjadi elemen utama bagi pembentukan sikap-sikap positif dan bertaraf global (Zauyah et al., 2005).

Kesimpulan

Secara kesimpulan dapat dijelaskan bahawa pengetahuan masyarakat Iban tentang program di bawah SPKR masih kurang memuaskan. Kajian ini mendapati sebilangan besar masyarakat Iban di kawasan kajian tidak mengetahui kementerian yang mentadbir program di bawah SPKR, objektif program di bawah SPKR dan komponen program yang dilaksanakan di bawah SPKR. Penemuan kajian ini memberi implikasi bahawa isu pengetahuan masyarakat Iban tentang program pembasmian kemiskinan harus ditingkatkan sebagai langkah menggalakkan penyertaan mereka dalam menjayakan program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan di rumah panjang. Justeru itu, kajian ini mencadangkan agensi pelaksana program di bawah SPKR di peringkat pusat (KKLW) dan pegawai program di peringkat kerajaan tempatan (Pejabat Daerah) lebih kerap turun padang untuk berinteraksi dengan penduduk di rumah panjang agar mereka lebih mengenali pihak-pihak yang terlibat dalam mentadbir dan menguruskan program di bawah skim tersebut. Penduduk rumah panjang yang terlibat dalam program di bawah SPKR juga sepatutnya didedahkan dengan tujuan utama program di bawah skim tersebut disalurkan kepada mereka. Hanya melalui langkah tersebut, penduduk yang terlibat akan mempunyai kesedaran dan lebih tahu untuk menghargai bantuan program pembasmian kemiskinan yang diterima oleh mereka. Tambahan

pula penemuan kajian lepas telah jelas membuktikan bahawa pengetahuan masyarakat tentang objektif program berkait secara langsung dengan penglibatan mereka dalam program yang diadakan.

Selain itu, sesi dialog bersama penduduk setempat seharusnya diadakan dengan lebih kerap bagi memaklumkan dan menjelaskan kepada mereka berkenaan dengan prasyarat-prasyarat program serta komponen-komponen program yang dilaksanakan di bawah SPKR. Ini dapat memastikan masyarakat di rumah panjang mendapat maklumat yang terkini dan tepat berkenaan dengan program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan di tempat mereka. Dengan adanya pengetahuan berkenaan dengan prasyarat dan komponen program yang dilaksanakan di bawah SPKR, sudah semestinya dapat memudahkan mereka yang layak untuk menerima bantuan mengemukakan permohonan bagi mendapatkan bantuan di bawah skim tersebut. Inisiatif sedemikian dapat memastikan penduduk rumah panjang yang layak turut serta dalam menikmati manfaat program yang telah direncanakan untuk membantu meningkatkan taraf hidup mereka. Apabila pengetahuan masyarakat setempat tentang program sama ada pengetahuan umum tentang program, pengetahuan tentang objektif program dan pengetahuan tentang komponen program dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih memuaskan, diyakini bahawa penyertaan mereka dalam menjayakan program tersebut juga dapat ditingkatkan dan seterusnya menyumbang kepada pencapaian matlamat program yang telah ditetapkan.

Rujukan

- A Murad Taib (1997) *Penglibatan pekebun kecil dalam membuat penilaian program pembangunan RISDA*. (Master Thesis). Universiti Putra Malaysia.
- Anuar Ahmad (2001) *Tahap penglibatan pekerja-pekerja kilang dalam Program Rakan Muda sektor industri*. Masters Project Report. Universiti Putra Malaysia.
- Bahaman Abu Samah (1992) *An assessment of former's participation in Integrated Agriculture Development Project in paninsular Malaysia*. (PhD dissertation). Iowa State University.
- Cummings FH (1997) Role of participation in the evaluation and emplementation of development projects. *Knowledge and Policy: The International Journal of Knowledge Transfer and Utilization* **10** (1/2), 24-33.
- Haslina Hashim, Regina Garai Abdullah (2009) Penglibatan komuniti dalam program pembangunan luar bandar: Kajian kes di Pusat Pembangunan Desa Gedong, Sarawak. *Jurnal Akademika* **77**, 41-67.
- Haris Abd Wahab (2007) *Penglibatan masyarakat tani dalam pembangunan komuniti*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Haris Abd Wahab (2009) *Penilaian keperluan dalam pembangunan komuniti: Kajian kes di negeri Kelantan*. (PhD dissertation). Universiti Malaya.
- Malaysia (2010) Rancangan Malaysia Ke-sepuluh 2011-2015. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.
- Rahim MS, Asnarulkhadi AS (2010) Community development through community capacity building: A social science perspective. *Journal of American Science* **6** (2), 68-76.
- Sabrina R (2012) *Penyertaan masyarakat dalam proses perancangan pembangunan daerah (Musrenbang) di Wilayah Sumatera Utara, Indonesia*. (PhD dissertation). Universiti Sains Malaysia.
- Yunda AA (2007) *Tingkat partisipasi anggota koperasi dalam kegiatan koperasi perikanan Mina Jaya Muara Angke, Jakarta Utara*. (Skripsi Sarjana). Institut Pertanian Bogor, Indonesia.
- Zauyah Abd Razak, Muhammad Sazri Khamis, Haswira Nor Mohamad Hashim, Kamarul Ariffin Mansor (2005) *Analisis program pembasmian kemiskinan dari perspektif penduduk miskin tegar di kawasan Parlimen Merbok, Kedah*. Laporan Penyelidikan, UiTM Shah Alam.